



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS GRADUASI MARA KETENGAH INTERNATIONAL COLLEGE

HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR

**22 JULAI 2016, JUMAAT
WAKTU KETIBAAN : 8.00 MALAM**

MUKADDIMAH

SALUTASI SEWAJARNYA

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, pada malam ini dapat kita berkumpul dalam Majlis Graduasi MARA KETENGAH International College (MKIC) buat kali kedua (2). Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MARA khususnya MARA Excellent Ventures (MEX) kerana sudi menjemput saya bagi menyempurnakan majlis yang penuh bermakna ini.
2. Saya difahamkan graduasi buat kali kedua (2) ini melibatkan seramai 148 pelajar yang telah tamat pengajian A-Level dan akan menerima sijil graduasi masing-masing. Mereka seterusnya akan menyambung pengajian bagi peringkat ijazah di beberapa universiti terkemuka luar negara. Tahniah diucapkan kepada semua para pelajar.
3. Tidak dilupakan ucapan tahniah juga ditujukan khas kepada para ibu bapa dan penjaga yang turut hadir kerana berkat didikan dan asuhan tuan-tuan maka lahirlah para pelajar yang berjaya dan bakal menjadi tunjang pemimpin masa hadapan negara. Berkat kesabaran mendidik dan membesarkan, maka semua pengorbanan itu dibalas dengan kejayaan anak-anak tuan-tuan pada hari ini dan seterusnya pada masa akan datang.
4. Kepada tenaga pengajar yang tidak pernah mengenal erti penat lelah memberi bimbingan, nasihat, teguran dan bertindak sebagai teraju utama dalam pendidikan para pelajar, ucapan terima kasih dan syabas juga diucapkan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Majlis graduasi ini merupakan titik tolak permulaan perjalanan yang bakal diterokai oleh para pelajar. Dihadapan para pelajar nanti terbentang pelbagai ranjau dan cabaran ke arah pencapaian sebenar sesebuah kehidupan.
6. Semangat perjuangan yang murni serta kekuatan iman perlu diperkukuhkan bagi membolehkan para pelajar ini meneruskan perjalanan dengan yakin dan tabah. Kerajaan memberikan sepenuh kepercayaan terhadap keupayaan MARA dalam menunjangi sektor pendidikan negara pada hari ini.
7. Sebagai sebuah agensi perubahan sosioekonomi yang tidak asing lagi, MARA terlebih dahulu memainkan peranan penting dalam melakukan transformasi luar bandar melalui pendidikan. MARA telah menawarkan sistem pendidikan yang mantap kepada golongan Bumiputera dan telah berjaya meningkatkan status sosio ekonomi masyarakat luar bandar.

8. Kita perlu berbangga kerana MARA adalah satu-satunya agensi yang digerakkan secara *Integrated Approach* yang mana keusahawanan dan pendidikan berjalan seiring meliputi pelbagai bidang dalam membangunkan Bumiputera.

9. Selari dengan dasar transformasi negara, MARA sebagai agensi di bawah KKLW terus memainkan peranan menerusi Agenda Transformasi Membandarkan Luar Bandar melalui 6 fokus utama yang berkait rapat dengan peranan sektor pendidikan MARA ialah Modal Insan. Fokus tersebut menekankan aspek kecemerlangan modal insan luar bandar ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi.

10. Kini MARA bukan sekadar melahirkan graduan tetapi perlu memastikan modal insan yang dilahirkan memenuhi pasaran kerja dalam memberi fokus kepada orientasi untuk memenuhi permintaan semasa sekaligus menjadi pemangkin mendaya modal insan di bawah Agenda Pemerkasaan Bumiputera.

11. Anak-anak didik MARA pada hari ini perlu mempunyai keterbezaan dan bersedia untuk mengisi keperluan industri negara.

12. Seajar dengan Falsafah Pendidikan Negara, kita perlu fokus kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, jasmani dan intelek, berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Allah S.W.T.

13. Falsafah Pendidikan MARA yang telah dibentuk merupakan satu landasan untuk menjadikan Sistem Pendidikan MARA bersedia ke arah pendidikan berteraskan ilmu, teknologi dan nilai keusahawanan untuk membangunkan insan holistik yang seimbang. Sistem Pendidikan MARA hari ini perlu dimartabatkan ke tahap global dan perlu diperkasakan supaya mampu menghadapi cabaran-cabaran baharu.

14. MARA harus menjadi suri teladan dan melaksanakan usaha yang gigih bagi memastikan identiti nasional yang dihasratkan tercapai iaitu melahirkan modal insan yang memiliki jati diri yang kukuh, patriotik, berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai-nilai moral. Tujuannya adalah untuk mewujudkan pemimpin berkaliber, usahawan berjaya dan golongan professional yang berjaya dan disegani.

15. Secara keseluruhannya, bidang fokus ini akan menghasilkan modal insan bertaraf dunia yang diperlukan Malaysia dalam fasa terakhir untuk menjadi negara maju.

16. Justeru, kita seharusnya sentiasa memastikan bahawa usaha penambahbaikan dan transformasi pendidikan akan dilaksanakan secara berterusan seajar dengan aspirasi untuk membangunkan sistem pendidikan berkualiti bertaraf

dunia. Segala perancangan atau transformasi tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya tidak mendapat sokongan daripada semua pihak.

17. Justeru itu, anjakan paradigma perlu dilakukan bagi memastikan pertumbuhan modal insan adalah selari dengan hasrat kerajaan membangunkan luar bandar dan dapat mengurangkan perbezaan malahan seiring dengan negara-negara maju. Di sinilah peranan pendidik dalam melahirkan pelajar yang mampu berdaya saing dan berfikiran kreatif dan inovatif menjelang tahun 2020.

18. Saya percaya MARA KETENGAH International College mampu merealisasikan hasrat ini dengan membudayakan pembangunan intelek yang memberi impak maksima kepada pembelajaran dan juga sosio ekonomi setempat.

19. Saya menyeru kepada semua 148 pelajar MKIC yang bergraduasi pada malam ini agar mengamalkan sikap positif dan mempunyai tekad yang padu untuk berjaya dengan cemerlang. Adalah menjadi harapan saya, dan harapan kita semua di sini, warga MKIC terus berusaha bersungguh-sungguh untuk memikul tanggungjawab secara kolektif dan komited dalam usaha memartabatkan bangsa ke peringkat antarabangsa.

20. Syabas dan tahniah kepada MARA kerana telah bekerja keras dalam memikul tanggungjawab serta komited dalam menyumbang tenaga dan masa demi melahirkan modal insan untuk pembangunan negara.

21. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan KETENGAH di atas kerjasama antara dua agensi dalam merealisasikan agenda pembangunan negara kita di bidang pendidikan dan hasrat kementerian dalam pembangunan masyarakat luar bandar.

22. Tahniah kepada semua pelajar yang bergraduasi pada hari ini. Anda semua adalah bakal pemimpin dan usahawan negara yang berjaya, insyaAllah.

23. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menyempurnakan Majlis Graduasi MARA KETENGAH International College (MKIC) buat kali ke 2 .

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.